

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date | 25/10/2012 |

Gagal membantu meningkatkan keupayaan ekonomi orang Melayu

Dr. M bidas syarikat milik kerajaan

um 25/10/2012

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD dan
AHMAD FADZIL ARIFFIN
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 24 Okt. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad membidas sikap syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) yang berlumba-lumba bersaing dengan syarikat-syarikat kerdil orang Melayu hingga menyebabkan syarikat-syarikat terbabit gagal mendapat tempat di dalam industri.

Beliau berkata, keadaan seperti itu tidak seharusnya berlaku kerana kewujudan GLC adalah untuk membantu meningkatkan keupayaan ekonomi orang Melayu.

Malangnya kata beliau, GLC kini terpisah daripada orang Melayu dan mereka tidak lagi berperanan sebagai pemegang amanah bagi kaum tersebut seperti mana di peringkat awal penubuhannya.

"Dengan kata lain, GLC pada masa ini bebas daripada segala ikatan serta asal usul penubuhannya iaitu sebagai pemegang amanah bagi kaum Melayu. Mengapa kita tubuhkan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah)?

"Tujuannya adalah untuk meningkatkan keupayaan orang Melayu dalam bidang ekonomi. Kita harus sedar bahawa orang Melayu pada masa itu tidak mempunyai apa-apa. Mereka tidak kaya dan mereka lemah. Atas sebab itu Kha-



DR. MAHATHIR Mohamed berkata sesuatu kepada Syed Ali Alattas (kiri) ketika menerima buku resolusi dari Ketua Unit Kertas Kerja, Datuk Syed Hussein AlHabshee di Kongres Ekonomi Melayu 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/DJOHAN SHHARIN SHAH

zahan ditubuhkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menutup Kongres Ekonomi Melayu 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Hadir sama Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Syed Ali Alattas.

Sebanyak 18 resolusi telah diluluskan dalam kongres selama dua hari itu.

Dr. Mahathir turut menyelar pihak yang cuba meniadakan hak 30 peratus orang Melayu yang hingga kini masih gagal dicapai.

Kata beliau, sewajarnya perkara

tersebut tidak perlu dipersoalkan oleh mana-mana pihak kerana jumlah tuntutan amat memadai meskipun orang Melayu merupakan penduduk majoriti.

"Kita hendak bahagian kita sahaja dan seharusnya perkara ini tidak boleh menjadi isu politik. Me-

GLC kini terpisah daripada orang Melayu dan mereka tidak lagi berperanan sebagai pemegang amanah bagi kaum tersebut seperti mana di peringkat awal penubuhannya

DR. MAHATHIR MOHAMAD
Bekas Perdana Menteri

ngapa ketika kita membuat tuntutan ini mereka kata kita rasis.

"Namun, apabila mereka membuat tuntutan tidak pula dikatakan rasis. Kita mahukan hak kita sebanyak 30 peratus sahaja walaupun jumlah kita dalam negara sebanyak 60 peratus," katanya.

Dalam sidang akhbarinya selepas itu, Dr. Mahathir menjelaskan, penubuhan Khazanah disebabkan orang Melayu tidak mempunyai banyak wang.

"Namun begitu dasar GLC kini telah berubah. Mereka menjadi pniaga utama dan mengagihkan saham kepada orang asing dan bukannya kepada bumiputera.

"Oleh itu, saya meminta kerajaan sekarang mengembalikan peranan GLC kepada matlamat asal penubuh-

hannya iaitu sebagai pemegang amanah bagi orang Melayu. Saya percaya usaha ini boleh dilakukan," ujarnya.

Sementara itu, Kongres Ekonomi Melayu 2012 (KEM 2012) melalui resolusinya berpendirian Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) diperkukuhkan kepimpinannya kerana didakwa masih lemah dalam menjalankan agenda pembangunan ekonomi Melayu.

Menurut resolusi yang dibentangkan itu, Teraju dikatakan gagal menentang peluang-peluang ekonomi kepada usahawan Melayu, selain tidak menyediakan fasiliti dana yang sesuai untuk pembangunan ekonomi usahawan Melayu.

Selain itu, antara resolusi lain adalah dengan menggesa GLC seperti Petronas, Khazanah Nasional, Permodalan Nasional Bhd. (PNB) dan lain-lain perlu mempunyai agenda membantu masyarakat dan usahawan Melayu yang lebih jelas dalam perniagaan mereka.

Pembentangan yang diketuai oleh Syed Ali Alattas itu seterusnya meminta agar GLC tidak bersaing dengan usahawan Melayu dan pada masa sama tidak mempunyai konflik kepentingan di dalam perniagaan.

KEM 2012 anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) melalui Yayasan Kajian dan Pembangunan DPMM diadakan selama dua hari bermula semalam.